



Bukan Ummati-Ummati!



JEMAAH haji mengunjungi Masjid Nabawi di Madinah, satu daripada masjid yang menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia. GAMBAR HIASAN

Abdullah Bukhari Abdul Rahim Al-Hafiz

26 November 2018 4:00 PM



PERGINYA Rasulullah SAW ke pangkuan Allah SWT menguris jiwa para sahabat dan semua orang yang beriman. Cinta kepada Baginda adalah cinta sejati yang mendorong mereka mengorbankan segalanya walau nyawa pada badan sendiri. Apa tidaknya, kehilangan Baginda tiada ganti. Walaupun sejuta manusia mati hidup semula dalam tubuh mana-mana tokoh sekalipun, ia tetap tidak dapat menandingi keagungan seorang insan bernama Muhammad Rasulullah SAW.

Dalam bicara sedih kewafatan Baginda, orang Melayu sering didedahkan bahawa lafaz terakhir Baginda sebelum dijemput Allah adalah lafaz kerisauan tentang nasib umatnya. "Sudah agak lama lafaz "Ummati! Ummati! atau "Aduhai umatku" disemat di hati orang Islam.

Lafaz kecaknaan Baginda ini seakan-akan menusuk menikam hati kecil kita sehingga tikaman itu membawa kecintaan bersulam kesedihan. Lalu hati kita berkata: "Aduh! Mulia sekali hatimu Ya Rasulullah! Sehingga nafasmu yang terakhir pun, keprihatinanmu tetap terjurus pada kami." Kenangan ini pastinya menitiskan air mata bagi orang beriman.

BETULKAH?

Persoalannya, adakah benar itu lafaz paling penghujung yang dituturkan oleh Baginda?

Benar sekali, kadang-kadang ilmu warisan sangat sukar disanggah. Masyhur pada lidah seakan-akan sudah menjadikannya suatu ilmu pasti lagi sahih. Sebarang cubaan teguran pasti mengundang sanggahan.

Iklan



Walaupun pahit, yang salah perlu ditegur.
Yang bengkok perlu diluruskan kerana
inilah warisan sebenar Baginda SAW.

Baginda meninggalkan agama yang sentiasa tegak teguh dengan hujah dan fakta. Islam bukan agama penglipur lara yang nampak seakan-akan benar setelah digarap dengan seni penceritaan atau sinematografi penuh meyakinkan.

Sebaliknya Islam adalah agama fakta.

Gunung sekalipun akan runtuh apabila fakta merempuhnya.

I Dalam sebuah hadis Aisyah r.a. menyebut:

"Baginda Rasulullah SAW ketika masih sihat pernah berkata: Para nabi tidak diambil nyawanya sehingga dia melihat kedudukannya dalam syurga kemudian dia (nabi tersebut) akan diberikan pilihan. Apabila Rasulullah SAW sedang sakit yang membawa kepada kewafatannya ketika kepala Baginda SAW berada di atas paha Aisyah Baginda pitam. Apabila tersedar Baginda SAW membeliakkannya ke arah bumbung rumah kemudian berkata: **Ya Allah! ke pangkuan yang tertinggi,**" - Sahih Bukhari dan Muslim.

I Dalam hadis lain, sebelum mengucapkan perkataan di atas, Rasulullah mengucapkan:

"Bersama orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu para nabi, orang yang benar (imannya), orang yang mati syahid, serta orang yang soleh (al-Nisa' 4:69)," - Sahih Bukhari dan Muslim.

Berdasarkan kedua-dua lafadz tersebut dapat disimpulkan bahawa ketika hampir wafatnya, Baginda Rasulullah SAW membuat pilihan untuk kembali ke pangkuan yang tertinggi di sisi Allah bersama roh manusia pilihan yang terdiri daripada para nabi, orang yang benar, para syuhada dan orang yang soleh.

Adapun lafadz ummati dalam versi yang sahih diucapkan oleh Baginda SAW jauh sebelum kewafatannya. Dalam sebuah hadis disebut:

"Abdullah bin Amru bin al-'As meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW membaca firman Allah yang mengisahkan doa Nabi Ibrahim a.s. yang bermaksud: Wahai Tuhanaku, berhalan itu telah menyebabkan sesat banyak antara umat manusia. Oleh itu, sesiapa yang menurutku (dalam Islam yang menjadi peganganku) maka dia adalah daripada golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepadaku (dengan menyalahi agamaku), maka sesungguhnya engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi (kiranya dia insaf dan bertaubat)" (Ibrahim 14:36).

Juga doa Nabi Isa a.s. yang bermaksud: "Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-Mu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (al-Ma'idah 5:118).

Baginda lalu mengangkat dua tangannya sambil berdoa: Ya Allah **Umatku, umatku.** Lalu Baginda menangis. Allah berfirman: Wahai Jibril pergilah kepada Muhammad (sedang Tuhanmu lebih mengetahui) dan tanyakan padanya apa yang membuatkan kamu menangis. Jibril pun mendatangi Rasulullah, lalu Baginda memberitahu Jibril (sebab tangisannya). Allah kemudiannya berfirman: Wahai Jibril pergilah kepada Muhammad dan katakan padanya: Sesungguhnya Kami akan meredaimu pada umatmu dan tidak akan berlaku buruk padamu," (Sahih Muslim).

Hadis ummati versi sahih yang disebutkan dalam Sahih Muslim ini menunjukkan kasih sayang dan keprihatinan Rasulullah SAW kepada umatnya. Selain itu, ia juga menunjukkan kemuliaan yang khusus diberikan kepada umat Baginda SAW berikut tangisan Baginda.

Cinta kepada Rasulullah SAW adalah tanda iman yang wajib dimiliki semua Muslim. Bagaimanapun, iman itu tidak akan bererti jika hanya berpaut pada cerita warisan yang tidak sahih. Ia seumpama yakin selamat ketika bergantung hanya pada sebatang



36W Dual Light Source Sensor UV Mini LED Nail Lamp Machine Dryer Curing Light for USB Gel...

Lazada Malaysia

[VISIT SITE](#)

ranting yang rapuh.

Baginda SAW mendidik kita agar berpegang kepada nas dan dalil yang sahih. Ia adalah syiar dan tunggak Islam. Berpegang teguh kepada yang sahih termasuk antara makna cinta kepada Baginda SAW.

Ayuh kita bugarkan cinta ini dengan yang sahih.

Tag Berkaitan

[Islam](#)
[Pemimpin Agama](#)
[Quran dan Hadis](#)
[Rencana](#)

What is your reaction? 3 votes



Penafian: Semua Komen di bawah tidak mencerminkan pendirian atau pandangan Utusan, ia merupakan pandangan peribadi penulis.



Comments (0)




Write a comment

Be the first to comment

Add Vuukle Privacy

Vuukle

ARTIKEL BERKAITAN



**Bukan kesudahan
tetapi permulaan**

**Refleksi Al-Quran
/**

**ABDULLAH
BUKHARI ABDUL
RAHIM AL-HAFIZ**

**Agama /
Musafir harus
berbuka**
**DR. MOHAMMAD
NIDZAM ABDUL
KADIR AL-JARUMI**

**Tamatnya riwayat
Abu Jahal**
**Pupuk keinsafan,
kasih sayang**

Taboola Feed

People in Malaysia Born Before 1968 Eligible for Free Hearing Aid Trial

Nessa Hearing | Sponsored

Monitor Tekanan Darah Paling Tepat Dunia Untuk Kegunaan Rumah.

Cuzera | Sponsored

Here's Why Nexus International School Stands Apart From Others

Expatriate Lifestyle for Nexus International School | Sponsored

Ultrasonic Pest Repeller helps you to get rid of pests and is not dangerous for pets, people or food

Pest Reject | Sponsored

New WiFi Booster Everybody in Malaysia is Talking About

Ultra Fast WiFi Booster | Sponsored

Satu Langkah Tak Dengkur! Dengkur meretakkan perkahwinan tetapi, menurut pakar, mudah dilawan. Maklumat lanjut sini

GoodNiter | Sponsored

A Browser that's 200% Faster than Chrome

browserguides.org | Sponsored

\$99 HD Drone Takes Malaysia by Storm

Drone X Pro | Sponsored

Rasa bersalah tinggalkan rumah

Utusan Online

Imej pelik budak dirakam di tempat kemalangan

Utusan Online

Easily Find Cheap Flights In Malaysia

TripsInsider | Sponsored

You can play this Game in your browser for free now

Deser Order | Sponsored

Images of The Battered and Abandoned Boeing 737 Found in Bali, Indonesia

Trendscatchers | Sponsored



N0. 44, Jalan Utusan. Off
Jalan Chan Sow Lin, 55200
Kuala Lumpur , Malaysia
03-92322600

Berita
Rencana
Hiburan
Bisnes
Sukan
Mega
TV Utusan

Kosmo
Tutor
Saji Online
disini.my
MyBooks
Siber Media
Jom Iklan

Kumpulan Utusan
Polisi Privasi
Terma Dan Syarat



WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997 - 2019 UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD